

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JAN 2015



Najib menyerahkan surat tawaran Program Khas Haji Perdana Menteri 2015/1436H kepada Muhammad Qutub selepas solat Jumaat di Surau Al Manar, Presint 14 Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

BH-10/1/2015

PM puji usaha keras sukarelawan

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak memuji dan menghargai sukarelawan banjir, termasuk pelajar universiti kerana sanggup berkorban masa serta tenaga membantu mangsa di seluruh negara.

Bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia, Perdana Menteri mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka terutama dalam operasi pembersihan dan bantuan pasca banjir.

Beliau yakin sumbangan

mereka sentiasa dihargai khususnya oleh mangsa banjir yang teruk terjejas akibat bencana kali ini.

"Mudah-mudahan sumbangan anda semua akan membolehkan mereka kembali kepada kehidupan seperti sedia kala dengan kadar lebih segera," katanya, semalam.

Beliau ditemui selepas menyampaikan surat tawaran Program Khas Haji Perdana Menteri 2015/1436H kepada Imam II, Surau Al Manar, Ko-

muniti Presint 14, Putrajaya, Muhammad Qutub Amran, 24, sejourus menunaikan solat Jumaat di surau berkenaan bersama masyarakat setempat.

Penerima pertama

Muhammad Qutub, yang menjadi penerima pertama surat tawaran di bawah program berkenaan tahun ini, berkata beliau sama sekali tidak sangka mendapat peluang itu pada usia yang sangat muda.

"Saya langsung tidak dibe-

ritahu mengenai tawaran ini. Ia dibuat secara mengejut. Baru hari ini (semalam) saya dimaklumkan.

"Tidak pernah saya terfikir untuk menunaikan haji pada usia ini. Umrah pun saya belum ada rezeki untuk pergi. Memang sangat terkejut, terharu dan saya bersyukur," katanya.

Graduan Diploma Syariah dari Universiti Malaya (UM) itu, berkata beliau menjalankan tugas sebagai imam sejak April tahun lalu.

"Saya menamatkan pengajian pada November 2014. Ini adalah hadiah graduasi paling berharga untuk saya," katanya.